Apa yang mendukacitakan adalah, akibat daripada tak mampu untuk terus mencipta, syarikat ini telah mempraktikkan satu perkara baru dalam industri automotif, yang kini dikenali sebagai "DKD" iaitu "Dismantle Knock-Down". DKD ini dilakukan seperti berikut. Kereta yang telah siap dipasang di negara pengeluar (seperti Korea atau Perancis) akan dibeli dalam bentuk CBU. Jika di bawa ke Malaysia dalam bentuk CBU, sudah tentu struktur cukainya besar.

Untuk mengatasi masalah kos yang tinggi akibat sistem percukaian ini, maka kereta CBU tadi akan dirungkaikan di negara asal (atau negara pihak ketiga). Semua komponen kereta tadi akan di "packing" dan di hantar ke Malaysia dalam bentuk "komponen-komponen" automotif. Bila melalui kastam, komponen ini diisytihar sebagai CKD.

Apabila sampai ke kilang, semua komponen yang dirungkai, akan di pasang kembali, sehingga terhasillah sebuah kereta yang "wow" baru dan "malatop".

Dengan kata lain, kalau daripada istilah mafia, kaedah ini dikenali sebagai "industri kereta potong", dan dari istilah kejuruteraan pula, mungkin boleh dikatakan sebagai "reverse engineering". Hasilnya, kita tak menambah apa-apa pengetahuan dalam bidang automotif, tetapi menambahkan kaedah untuk menipu kerajaan (dan rakyat Malaysia) secara profesional.

Yang lebih ironinya, salah satu daripada model kereta tersebut, telah dilancarkan dengan gemilangnya oleh bakal PM Malaysia.

Kalau kilang "kasut barat" mengambil masa hampir seratus tahun untuk ditutup, saya tak menjangka Proton mampu bertahan sehingga tempoh tersebut, jika aktiviti "parasitik" dalam industri automotif ini tidak dicegah. Kita mampu menghadapi karenah pengguna, tetapi "musuh dalam selimut" ini, yang berselindung di bawah pengaruh politik.

KEBEBASAN BERSUARA

Saya pernah melihat di TV, yang Tun pernah "menyentuh" perkara yang saya perkatakan ini, iaitu meminta perkara ini disiasat. Kalau tak salah saya, sebelum pelancaran "model" terbaru keluaran syarikat tersebut oleh bakal PM Malaysia. Malangnya, cakap Tun sudah tak laku. Tambahan pula, bidang automotif ni bukanlah "baby" Pak Lah, apatah lagi Najib. Mereka lebih advance, kerana "baby" mereka adalah "jet peribadi", "eurocopter", "sukhoi" dan "scorpeen".

Lepas kenyataan Tun dalam TV, saya tak nampak pun ada "follow-up" daripada mana-mana pihak. Bahkan, pihak Pakatan Rakyat pun rupanya tak faham.

Di Malaysia, kebebasan suara pun ada double standardnya. Biasalah tu. Ada yang dikorek sedalam-dalamnya, walaupun isunya cuma di permukaan, dan ada yang cuba dikambus, walaupun isunya amat membukit. Contohnya seperti berikut:

a. Kereta Camry berpletkan "A" dan "B" menjadi isu yang digambarkan satu pembaziran yang amat sangat, tetapi kereta Mercedes berpletkan "T" serta Volvo berpletkan "S" adalah pelaburan yang menguntungkan. Bahkan, ada KM yang berkeretakan Rolls-Royce pun telah berjaya "disucikan" oleh media.

b. Ada Menteri-Menteri Besar yang mendapat publisiti hampir setiap hari (seperti MB Kedah, Penang dan Selangor), manakala saya pun dah hampir lupa nama MB Perlis. Kalau tak kecoh dengan Raja dulu, saya pun keliru, antara "Mat Sabu" dengan "Mat Isa Sabu". MB Johor langsung tenggelam di peringkat nasional. KM Sabah terus berada dalam keadaan "Aman". Apatah lagi MB Pahang. MB Trengganu terus dibenam daripada media utama, kerana isu Mercedes dan kekalahan "KT". MB Kelantan pula digambarkan sebagai pengulas peristiwa sahaja (media dah kalah dengan Tok Guru ni.....)

c. Eli Wong digambarkan "tidak senonoh". Seorang senator wanita, juga dari Selangor, yang pernah berskandal dengan bekas MP dari Selangor, digambarkan sebagai seorang wanita suci. Bahkan, semasa perlantikan Dr. Mashitah sebagai senator bersama Zaid Ibrahim dulu, wanita suci inilah ditunjukkan oleh TV kita, memeluk dan mencium Dr Mashitah, menyambut penyertaannya ke Dewan Negara. Dengar khabarnya, wanita suci ini adalah anakanda kepada "pengurus tetap" sebuah parti Melayu terbesar di Malaysia.

PENGANGGURAN DI MALAYSIA

PM dan Timbalannya nak kisah apa dengan isu ini. Nanti! Lepas Mac lah baru nak fikir. Kalau buat apa-apa tindakan masa ni, ada rombakan kabinet, kena buat "action plan" lain pula.

Sekarang ni adalah masa Pak Lah nak pi round satu Malaysia, nak ucap bye-bye dan buat lawak (dengan kenyataan-kenyataannya yang amat bijak). Najib pulak nak fokus kepada penaklukan dua bukit (Jabal Gantang dan Jabal Selambau) serta mencatu-catu, siapa yang bakal mewarnai kabinet baru-nya nanti.

SOUND BITE B

Berkenaan dengan isu kereta pulak, depa dok sibuk meminta supaya kerajaan Perak dan Selangor menggunakan kereta Proton Perdana. Untuk pengetahuan pembaca sekalian, fahamilah bahawa model Proton Perdana ni dah dikira "End of Life" atau jangka hayat pengeluarannya dah tamat. Proton dah tak mengeluarkan kereta kategori ini lagi. Bahkan, Proton Perdana pun bukanlah "locally produced". Ianya lebih kepada kepada kereta pemasangan Proton, yang kebanyakan komponen utamanya diimpot dari Mitsubishi, Jepun. Cuma, komponen kosmetiknya Buatan Malaysia.

Kalau tak percaya, buatlah lawatan ke Proton Shah Alam atau Tanjung Malim, dan cari kat mana Proton Perdana dipasang. Payah nak jumpa.

Sekurang-kurangnya, kalau beli kereta Camry, dah tentu UMW, anak syarikat PNB untung. ASB saya adalah juga dividennya.

Wassalam!!!

By egalitarianAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:39 PM

Assalamualaikum Tun yang dikasihi,

If mankind don't see the truth in these credit crunch aftermath, then they have blinder on. The rich countries (especially UK/US) sponsoring weapons and monies to help the so call demon..cratic countries to occupy and destabilize poor and emerging countries. It's clear that Allah's wrath is in play.

The path and stage has been set/shown by Allah, To the muslim world and others, this is the right time to break away from old dependence, use dinar/gold, trade with Middle East, China, India, Asia and other poor nations. Now is the time for a new nations to take lead as superpower, economically at least.

With billions and trillions of borrowed monies used to stimulate US & UK economies, don't expect the recovery to be in the near future or worst still ever.

Tun, please propagate as such. Don't underestimate your influence, the whole world hear you. I kid you not.

May Allah keep you in good health and as usual mentally alert.

Sala'am

By Shahisma159Author Profile Page on February 27, 2009 5:43 PM

Dear Tun,

Memang benar kegawatan ekonomi dirasai oleh semua negara. Malaysia tak terkecuali. Tetapi yang menyakitkan hati ialah pemimpin yang cuba menipu rakyat dengan mengatakan impak kepada Malaysia tidak seberapa, ada yang mengatakan "fundamental" ekonomi negara adalah baik dan kesan gawat tidak dirasai. Ini semua kerja membodek PM atau memperbodohkan PM dan pemimpin yang lain. Kerajaan sepatutnya telus dalam mengkomunikasikan masalah ini kepada rakyat supaya rakyat dapat bersedia secara mental.

Semacam ada trend mengenai turun-naik ekonomi, 1984-85, 97-98 dan 2009. Ini adalah pusingan yang nyata. Mengapakah pakar ekonomi tak dapat counter sebelum masalah kegawatan timbul. Mungkin sebab ekonomi gawat adalah berbeza, 97-98 disebabkan spekulasi wang, 2009 lebih berpunca daripada kesan ekonomi AS dan Eropah. Mengikut trend ini 2019 besar kemungkinan akan berlaku kegawatan. Setidak-tidaknya kerajaan Malaysia menyediakan backup plan untuk menghadapi masalah sedemikian.

Stimulus package yang disediakan kerajaan tidak terasa kesannya. Apakah ianya hanya mengkayakan kroni-kroni Khairi ? atau untuk bail out orang tertentu? Wang berbillion sepatutnya digunakan untuk mengujudkan mekanisma perniagaan yang membantu merendahkan harga barangan. Misalnya, sediakan perkhidmatan logistik nasional yang menggangkut barangan dari Perlis ke Johor. Ini akan mengurangkan kos pengangkutan dan harga barangan - di samping mengujudkan jaringan pengedaran (distribution network) yang lebih efisien. Pengangkutan percuma untuk pekerja (konsep seperti bas kilang) patut diwujudkan bagi memudahkan pergerakan ke tempat kerja disamping mengurangkan kesesakan lalulintas (terutama di bandar besar). Pengangkutan pekerja ini boleh dilakukan mengikut zon - seperti Ampang ke KL. Rawang ke KL dan sebagainya. Ia akan membawa manfaat sangat besar kepada yang berpendapatan rendah dan menengah.

Pakej ransangan ekonomi sekarang hanya bertumpu kepada sektor tertentu, khususnya pembinaan, perlu diingat sektor lain juga perlu diselamatkan. Rangsangan ekonomi perlu dapat dirasai oleh majoriti rakyat bagi meminimakan impak kegawatan ekonomi.

Penyaluran pakej rangsangan melalui Kementerian-kementerian bagi meningkatkan perbelanjaan tidak berkesan, ia hanya melajukan peredaran wang (MVPT - basic economy) tetapi tidak menjana ekonomi sebenarnya.

Saya sedar tulisan saya ini hanya akan dibakulsampahkan dan tidak akan diambil kira oleh orang-orang dalam Kerajaan. Sekurang-kurangnya saya cuba !

By membrAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:44 PM

Tun, saya ada soalan. Macam mana sesebuah negara menentukan berapa banyak wang yang dapat dicetak, maksud saya wang baru yang akan dicetak pada sesuatu masa.

Kita selalu pergi bank dan apabila mengeluarkan wang kadang-kadang bank beri kita wang kertas baru, baru dicetak. Jadi, wondering la Tun berapa banyak wang kertas baru yang dicetak.

Terutama pada kegawatan ekonomi dunia sekarang terutama di Amerika Syarikat dan Britain. Tidak mustahil kah kerajaan mereka mencetak dan mengeluarksn wang baru. Siapa tahu berapa banyak mereka akan cetak. Logiknya kalau wang tak cukup, cetak la banyak sikit supaya cukup. Anyway, siapa tahu dan ambil peduli.

Ha..lawak juga pertanyaan saya itu tadi Tun, tapi saya percaya ramai yang tak faham perkara ini.

By afifiAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:45 PM

Salam Tun,

Minggu lepas mesyuarat kabinet yg dipengerusikan oleh si Bedol memutuskan untuk menaikkan harga tol di lima lebuh raya seluruh negara.. Semalam si Bedol ini juga mencadangkan supaya kabinet menarik balik keputusan itu.. Dan hari ni Najib mempengerusikan mesyuarat kabinet telah menarik balik cadangan untuk menaikkan harga tol..

Persoalannya, kenapa mesyuarat kabinet minggu lepas yg dipengerusikan oleh si Bedol meluluskan cadangan itu dan semalam si Bedol juga menyuruh cadangan itu di tarik balik.. Apakah bodoh sungguh si Bedol ini? Hatta budak-budak pun boleh nampak betapa bengapnye si Bedol ini.. haih..

Tun,

Nazri Aziz kata tempat duduk si Bedol dalam parlimen akan dikekalkan sebagai menghargai jasa si Bedol kepada negara, bangsa, dan agama.. Jasa apa ni yang si Nazri tolol maksudkan?

Tun,

Buat kali ketiga nya saya menyarankan supaya diletakkan di blog ini, iklan atau pengumuman jikalau ada ceramah atau syarahan Tun di mana-mana, supaya pembaca dapat mengetahui dimana lokasi Tun bercakap dan seterusnya kami dapat menghadirinya..

Terima Kasih..

Afifi bin Md Akib
Jitra, Kedah..

By membrAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:46 PM

Tun, saya ada soalan. Macam mana sesebuah negara menentukan berapa banyak wang yang dapat dicetak, maksud saya wang baru yang akan dicetak pada sesuatu masa.

Kita selalu pergi bank dan apabila mengeluarkan wang kadang-kadang bank beri kita wang kertas baru, baru dicetak. Jadi, wondering la Tun berapa banyak wang kertas baru yang dicetak.

Terutama pada kegawatan ekonomi dunia sekarang terutama di Amerika Syarikat dan Britain. Tidak mustahil kah kerajaan mereka mencetak dan mengeluarksn wang baru. Siapa tahu berapa banyak mereka akan cetak. Logiknya kalau wang tak cukup, cetak la banyak sikit supaya cukup. Anyway, siapa tahu dan ambil peduli.

Ha..lawak juga pertanyaan saya itu tadi Tun, tapi saya percaya ramai yang tak faham perkara ini.

By MKMAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:49 PM

Good Day Tun,

Funny how it seems when our country are facing there worst economic recession...our politician are busy creating fiasco wherever they pleased.The economic situation right now are not getting better and it is going to get worse.The worse has yet to hit us.But sadly the politician in this country are busying playing the blame game to each other.

How i wish we were still under your ruling Tun.There is no politician out there is willing to hear the people cry for a better stability in life.All this fiasco that have been going on this few months have made Malaysia a laughing stock in the Asia region.The politicians in our country right now are power drunk.And that goes for both BN and PR politician.All is lost in this country.The light at the end of the tunnel is getting dimmer with each minute.Hope you can help us when you join UMNO back Tun.God knows we need you right now.

Now Playing : Fear Factory - Transgression

By Ir. SyahrizanAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:49 PM

Salamz Tun,

"Saya tidak akan guna bahasa kebangsaan kerana mungkin ramai tak akan faham "Bunyi Gigit".

Laughing Out Loud (LOL)!

After reading the first paragraph of your blog, I know must at least comment something on it.

Also, Tun, we can't simply direct translate some of these hi-tech IT terms such as "Plug and Play" as in Bahasa it would sound like "Cucuk dan Main". Got the joke? Hahahaha. I rest my case!

By tangki_besaqAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:51 PM

Salam Tun,

adakah kekebalan yahudi ini tiada batasnya?

By azlashAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:53 PM

Salam Tun

- 1) Sangat mudah untuk memahami artikel Tun.
- 2) Semua sudah sedia maklum tentang kemelesetan ekonomi global.
- 3) Sememangnya kemelesetan ekonomi negara barat akan turut dirasai oleh negara kita Malaysia.
- 4) Kita berharap agar kerajaan akan mengambil langkah2 yg lebih berkesan dan terurus agar ianya tidak akan terus menghimpit hidup rakyat dan rakyat tidak akan terus menyalahkan kerajaan.
- 5) Rakyat sepatutnya telah bersiap sedia untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia dgn setidak2nya berjimat dan menabung sejak dahulu.
- 6) Petronas sepatutnya membuat 'think over'dan mengemaskini pelaburan di peringkat antarabangsa.
- 7) Pengurusan yang lebih bijak, teratur dan berkesan dalam pelaburan yg melibatkan berbillion ringgit daripada terus rugi kerana kejatuhan harga minyak di pasaran dunia.
- 8) Mereka yg mempunyai simpanan akan mengambil kesempatan di masa kegawatan ini utk tunggu dan lihat kerana nilai hartanah dan lain2 akan turut turun. Inilah masanya 'you have money, you are the king'

Semuga malaysia terus maju.

Take care Tun...wassalam

By MunsaiAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:53 PM

the rich become poorer and the poor become hardcore poor. Thus, where does the money channelled to?

By pakpandir08Author Profile Page on February 27, 2009 5:53 PM

kadang-kala kita kuat mengecam orang lain atas sesuatu dasar, namun dasar yg sama pula dilaksanakan oleh diri sendiri ... semata-mata untuk kepentingan sesetengah pihak

pengiraan menggunakan purata hanya boleh dipergunakan dalam keadaan tertentu bergantung kepada aspek-aspek yg perlu dipertimbangkan. Jika tidak, hasil perhitungan tidak dapat mencorakkan keadaan yg sebenarnya ... sepertilah yg diperkatakan oleh Tun dengan contoh di Britain ...

Namun, entah mengapa kerajaan di negara ini menggunakan pengiraan purata untuk mencorakkan kaum mana yg paling miskin ... budak sekolah darjah 6 pun ketahui cara perhitungan sebegini tidak munasabah, tetapi entah mengapa pakar statistik negara menghitung sebegitu apabila nisbah perbezaan populasi kaum amat besar sekali ...

apabila perbandingan dibuat dengan nisbah perbezaan kategori yg besar, purataan tidak sesuai digunakan ... sebagai contohnya apabila populasi Melayu=60%, Cina=25%, India=10% yg besar jurangnya, keadaan ini berlaku dimana kategori minoriti akan rugi ...

Ananda Krishnan merupakan india yg terkaya di Malaysia dengan harta USD\$4,600,000,000 (USD\$4.6 billion), sekiranya Malaysia terdapat 200,000 orang india, hanya Ananda seorang yg kaya, dan lain 199,999 orang miskin (satu sen pun tak ada) ... maka secara purata (perhitungan yg dipakai oleh kerajaan), 200,000 india ini mempunyai harta sebanyak RM23,000 masing-masing

keadaan orang Cina pula, jumlah harta 5 tycoon Cina terkaya di Malaysia, secara puratanya cukup untuk menjadikan seluruh penduduk bangsa Cina menjadi orang kaya, kerana populasi minoriti yg dipuratakan ... oleh sebab itu, anak penjaja yg menjual nasi ayam, penghantar surat khabar tidak dibenarkan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan ... kerana harta 5 tycoon terkaya menjadikan bapa mereka seorang yg kaya secara purata ...

kerajaan yg bertanggungjawab, sepatutnya berusaha sedaya-upaya untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira warna kulit ... kan baik semua kaum sama-sama menikmati hidup yg senang, mampu pergi duduk bersama-sama, melancong sama-sama ... daripada asyik bertanding tengok siapa paling kaya atau siapa paling miskin (secara purata) ... macamlah boleh dapat hadiah aikssss

By wcongAuthor Profile Page on February 27, 2009 5:55 PM

Saya amat takut dengan kegawatan ekonomi sekarang kerana kali ini saya telah berkeluarga dan sebarang perubahan di syarikat saya akan juga akan turut menjejaskan kehidupan keluarga saya. Saya hanya mampu meneruskan pekerjaan dengan lebih tekun dan memperbaiki diri melalui khusus peningkatan diri dan mengharapkan apabila kegawatan ini berakhir, saya mampu menjadi perkerja yang lebih bersedia dan lebih baik.

By mrizalibrahimAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:03 PM

Salam Tun, Ini blog entry lepas solat jumaat ni. Terdetik idea waktu khatib baca khutbah ka?

Nevertheless, penuh data dan memberangsangkan as usual.

By RadziSiAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:03 PM

salam buat Tun....

semua diatas itu betul...dahshat betul pemikiran Tun yang di anugerahkan oleh Allah kelebihan itu...itu di Britain...bagaimana dimalaysia yang dicintai...

Kebebasan bersuara yang jauh lebih hebat daripada Britain...bila mana seorang 'celaka singh' sahaja tak boleh dihapuskan.sehingga sanggup mengata orang melayu 'celaka'walaupun dituju kepada pemuda Umno tetapi saya rasa seperti semua orang melayu yang di makinya...celaka singh tu juga dah nyanyuk dan mudah lupa...bahawa yang dikatakan celaka itulah yang telah berkorban membenarkan siceleka sing itu terus tinggal dengan aman dari orang melayu yang dimakinya...sepatutnya orang-orang pas pun akan terasa...tetapi rupa-rupanya mereka membenarkan siceleka singh itu memaki hamun bangsanya sendiri...nampaknya nak kena buat 'holocaust'.pulang nanti baru lah dia tahu...sebab melayu akan bersatu dan mengenal saudara mereka jika ada ...kematian..kenduri...peperangan....

Yang lagi kelakar ialah TOL....Menteri kata Naik kan Tol....PM pulak kata kaji....sekarang Kata Batal....mereka semua ini berlakun jadi baik atau dah jadi bengung....tak sampai 24 jam arahan boleh berubah....dah sampai masanya apa yang Tun pernah saran kan dahulu supaya berhenti itu benar-benar tepat....dah tak boleh ditunggu-tunggu lagi....sebab dizaman Tun dahulu semuanya tiada berlaku seperti sekarang...malu..malu....pak menteri tetapi bagaimana perdana menteri...adakah ini satu game lagi....
By 1OnlookerAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:08 PM

Tun,

Many young Malays are indeed counting on Tun and your beloved son, Mukhriz, to give them advice on the right thing to do and the wrong thing to avoid. Will you please advise Mukhriz to stop persecute a handicapped senior citizen like Karpal Singh?

Your supporters always claim that they fight in the cause to protect the Islamic religion. However, by looking at the persecution done on a handicapped old man like Karpal Singh, did your supporters really follow the verses of Al-Quran?

Treat Each Other Amicably

[Sura 17:53] Tell My servants to treat each other in the best possible manner, for the devil will always try to drive a wedge among them. Surely, the devil is man's most ardent enemy.

What say you now, Tun?

Onlooker

By 1OnlookerAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:10 PM

Tun,

Many young Malays are indeed counting on Tun and your beloved son, Mukhriz, to give them advice on the right thing to do and the wrong thing to avoid. Will you please advise Mukhriz to stop persecute a handicapped senior citizen like Karpal Singh?

Your supporters always claim that they fight in the cause to protect the Islamic religion. However, by looking at the persecution done on a handicapped old man like Karpal Singh, did your supporters really follow the verses of Al-Quran?

Treat Each Other Amicably

[Sura 17:53] Tell My servants to treat each other in the best possible manner, for the devil will always try to drive a wedge among them. Surely, the devil is man's most ardent enemy.

What say you now, Tun?

Onlooker

By BlueGeneAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:12 PM

Assalam alaikum

YABhg Tun, dan seluruh "felo Chedet" yang dikasihi

Berkenaan dengan penukaran "snippets" kepada "Sound Bites" tidak menjadi masalah kepada saya dan mungkin juga penulis blog atau pemberi komen blog. Apa yang penting ia mudah difahami dan boleh ditakrif dari segi maksud dan maknanya.

Realiti dunia kini. Tiada negara yang maju atau mundur. Sebenarnya semua 260 negara yang ada di atas muka bumi ini sama rata dan sama rasa seluruhnya walaupun berbeza dari segi doktrin politik, ekonomi dan sosial.

Sekiranya pemimpin sesebuah negara itu mengatakan negaranya adalah yang termaju, sedangkan dalam pada masa yang sama masih anakronisme dari segi kebebasan bersuara mahupun tahap pengangguran yang tinggi.

negara maju terutamanya negara kelompok G7 masih lagi tersekat kebebasan bersuara dan tahap penganggurannya pula tinggi meroket apabila terkena "demam influenza ekonomi." Inilah yang berakur kepada negara-negara maju sebenarnya.

Di Amerika, para pakar dan saintis bekerja untuk menghasilkan peralatan berteknologi canggih untuk tujuan ketenteraan. Sedangkan peratusan para pakar dan saintis yang bekerja untuk kemaslahatan awam atau sosial berada pada kadar yang rendah sekali. Mungkin negara sedang membangun lebih baik kadar peratusannya. Zaman dunia sekarang bukan lagi bersifat ketenteraan. Maka tidak perlulah sesebuah negara itu mengeluarkan senjata atau peralatan ketenteraan. Zaman sekarang ialah zaman teknologi untuk kemaslahatan sejagat, politik, ekonomi, dan sosial sepatutnya berada dalam kerangka kemaslahatan sejagat.

Sekiranya sesebuah negara menegeluarkan senjata pemusnah WMD umpamanya atau Cluster Bomb, walaupun negara itu semaju Amerika atau Singapura, negara itu tidak boleh di cop sebagai negara maju kerana masih lagi mengamalkan sifat anakronisme yakni hal-hal yang berkaitan dengan militer. Hal-hal ketenteraan yang mengakibatkan kehilangan nyawa yang tidak berdosa sudah wujud sejak zaman Sun Tzu mahupun Herodotus. Oleh yang demikian negara maju adakalanya bersikap seperti negara mundur.

Pengangguran tidak boleh tidak ada. Pengangguran tidak akan ada sekiranya golongan kapitalis ekonomi bersifat tamak. Komunis dan sosialis lahir disebabkan ketamakan golongan kapitalis. Sosialis dan komunis ditunggangi oleh golongan penganggur pada suatu ketika dulu.

Namun pengangguran itu tetap wujud sekiranya seseorang itu malas mencari pekerjaan. Kemalasanlah yang merupakan inti tegar pengangguran. Bertambah parah lagi sekiranya malas mencari ilmu pengetahuan di samping meningkatkan kemahiran ekonomik. Sekiranya seseorang isi rumah berada dalam keadaan sedemikian maka bertambahlah statistik pengangguran di mana negara-negara sama ada negara maju mahupun negara mundur. Di Amerika, golongan penganggur mendapat tempat atas nama hak asasi kemanusiaan. Tetapi tidak di Malaysia. Kita sedang menuju ke tahun 2020, hanya tinggal 10 tahun lagi. Oleh yang demikian marilah kita berusaha ke arah kemajuan diri. Pengangguran bukan ke arah kemajuan diri tetapi kehancuran diri.

Malaysia perlu mempelajari kes yang menyebabkan pengangguran berlaku di Britain. Tidak terkejut nilai jutawan di Malaysia susut. Itu adalah pencak alam dunia bisnes dan dangang.

Malaysia telah melahirkan ramai jutawan sama ada seseorang jutawan itu memperoleh atau tidak "tongkat sakti" daripada kerajaan. Jutawan ini boleh digunakan sebagai pemangkin kepada pengurangan pengangguran di negara ini. Tetapi apakan daya, jutawan yang berbuat demikian hanya boleh dihitung seperti menghitung ulas bawang putih.

Pengangguran boleh juga disebabkan oleh ketamakan para jutawan dan ahli perniagaan. Enron,

dan cakap tak serupa bikin. Itu hari Karpal kutuk Anwar sebagai pemimpin yang tak bermoral, tapi dalam parlimen tempoh hari dia cakap dia tak ada masalah dengan Anwar dan terima Anwar sebagai pemimpin PKR! Ayo yo yo King Singh..what are you talking about, banyak pusing sampai pening!

Saya berharap penyokong2 PKR lebih2 lagi kaum Melayu, pikir lah panjang2 yang anda semua menyokong pemimpin yang cakap tak serupa bikin, jangan membazir undi anda terhadap mereka ini yang gila kuasa berpolitik untuk kepentingan diri, silap langkah negara ini akan tergadai. Jangan terlalu beremosi sangat dan mendengar ceramah mereka yang hanya pandai berpidato ikut arah mana angin bertiup, gunakan lah otak untuk berpikir sendiri. Lihatlah apa yang telah terjadi di Perak, Speaker Perak lagi berkuasa dari Sultan dan tak boleh dipecat oleh Sultan! Speaker dilantik oleh kerajaan yang berkuasa, iaitu sekarang BN, itu bermakna dia sudah tidak ada kuasa bukan?

Pemimpin BN pun bukan semuanya betul, banyak yang perlu tukar perangai egoistik dan mula berkerja untuk rakyat. Kita semua rakyat Malaysia mempunyai musuh yang sama - kegawatan ekonomi! Marilah bersatu padu tanpa mengira fahaman politik berdepan dengan musuh ini. Ahli-ahli politik yang masih memerlukan isu-isu kontroversi untuk memanjangkan nyawa politik mereka adalah seperti nyamuk, mengalih tumpuan kita dari isu ekonomi gawat yang lagi berbisa pukulannya. Jangan biarkan semua ini berpanjangan.

Kepada MP2 di Parlimen, Yang Di-Pertuan Agong telah tempoh hari menegur Yang Berhormat semua agar bersopan dan berdisiplin apabila berhujah di Parlimen agar yang terhormat semua mencerminkan mutu wakil rakyat yang diundi oleh rakyat kepada dunia. Tetapi nampaknya masih ada MP2 yang pekak dan tidak menghormati gesaan Yang DiPertuan Agong dan mengucapkan kata-kata kesat yang tak perlu diucapkan. Perangai sesetengah MP di Parlimen menyakinkan kami semua yang mereka ini tak layak bergelar Yang Berhormat dan di hormati bila di luar Parlimen.

Kebebasan bersuara mestilah digunakan dengan bertanggung jawab. Ia bukannya tiket untuk kita menghina dan menuduh mana-mana pihak tanpa usul periksa dan menjatuhkan maruah seseorang atau golongan tertentu. Jangan jadikan perbuatan menghina seseorang atau Sultan-Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong sebagai satu habit, kerana ia akan mengundang tindak balas yang mungkin anda sendiri tidak suka dan merosakan negara tercinta ini. Remember what goes around comes around, it looks like Karpal will never learn.

Tun, saya banyak sedih melihat perkembangan politik di negara ini. Untuk menghilangkan stress ini saya bercadang tidak akan membaca mana-mana akhbar, mendengar berita di TV tentang kemelut politik dan bercuti dari mengunjungi laman web Tun selama sebulan. Dunia berasa lebih aman dan simple bila say berbuat demikian. No offense Tun.

Take good care of your health Tun, see you in a month's time.

Wassallam.

By inventAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:20 PM

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir

Terima kasih diatas pandangan tun yang bernas dan tepat.
Mungkin riba yang disanjung tinggi telah makan diri mereka sendiri.
Mana mungkin mereka berjaya sekiranya yahudi yang menjadi tulang belakang mereka.
Sekarang Malaysia memerlukan seorang yang cecal seperti Tun.

Semoga semangat KERANAMU akan menjadi pegangan Perdana Menteri baru Malaysia.Insyallah!

Tun bagilah nasihat pada PM yang bakal meneraju Malaysia.

By pakbelangAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:23 PM

Nizar returns residence keys, not car

Bernama

IPOH, FRI:

FORMER Perak Menteri Besar Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin has returned the keys to his official residence to the state government but refused to hand over the Toyota Camry car that was used for official duties while in office.

"He will continue to use the car for daily official duties and will surrender the car if the court declares Dr Zambry as the Menteri Besar,"

comment:

You can keep the car and go round town telling the rakyat you are still the Menteri Besar.

Biasanya bila seorang tu terlalu sayang isteri atau suaminya dan terpaksa bercerai dia akan mngalami tekanan jiwa dan akan membuatnya "GILA TALAK".

Nizar bolehlah diumpamakan seperti orang "gila talak".

Bila orang dah jadi "gila talak" dia tak sedar lagi siapa dirinya dan akan menjadi semacam orang tidak siuaman. Maka dengan keadaan begitu dia mengharapkan simpati dari rakyat terhadapnya.

Itulah strategi nakal parti PKR dan DAP mempergunakan pemimpin PAS jadi "baruah" mereka!!

PKR dah tak ada kredibiliti lagi. Orang yang masih menyokong PKR adalah seperti orang "pekak, buta dan bisu" dan PAS juga telah dijadikan seperti "lembu" yang diikat hidung dengan tali dan di tarik sana sini untuk tujuan politik DAP supaya dapat memerintah Perak untuk menjayakan dasar Malaysian Malaysianya.

PAS memang parti "TONGGONG" !!

By nikdublin.Author Profile Page on February 27, 2009 6:24 PM

Salam Tun,

Rasanya Pak lala ngan KJ kena sama tak? Nampak steady je diaorang tu.

By inventAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:25 PM

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir

Senang-senang Tun lah yang jadi PM.

Tun berpengalaman!

Tun Tegas!

Tun Berani!

Tun Brilliant!

Amin.

By ymhAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:34 PM

Inilah sebagai pembelasan tuhan.

By avizairilAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:37 PM

Assalamualaikum Tun,

Itulah yang dikatakan, HUJAN EMAS DI NEGARA ORANG, HUJAN BATU DI NEGARA SENDIRI, LEBIH BAIK DI NEGARA SENDIRI.....

Wassalam.AVI

By kiisAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:39 PM

Good info from Tun..

Thanks a lots.

By jizuriminAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:40 PM

Assalamualaikum TUN, memang tak dapat dinafikan kebebasan suara sebenarnya "not existed at all". Kenyataannya ialah kebebasan bersuara hanyalah diberikan kepada sebilangan pihak sejak zaman berzaman. Contohnya "freedom of speech" di Malaysia tak pernah ada. Dalam zaman Melaka, Raja berkuasa mutlak jadi kebebasan hanya pada raja sahaja. Sesiapa yang membantah dianggap derhaka dan dihukum pancung. Zaman penjajah menyaksikan banyak pihak berjuang menggunakan kata-kata dan mereka ini digelar musuh negara, diperangi serta dibunuh. Zaman Jepun jangan cakap la, dengan memanggil jepun dengan sindiran juga mengakibatkan pancung. Zaman lepas merdeka kita masih lagi menyaksikan erti kebebasan bersuara masih secara terkawal. Pemimpin dan rakyat masih dibelenggu dengan peraturan dan kebanyakan maklumat masih disembunyikan demi keselamatan negara. Zaman Tun sebenarnya merupakan zaman awal kebebasan bersuara secara mutlak dapat kita saksikan dengan kewujudan internet dan "blogger". Namun perbezaan Tun dengan Pak Lah ialah kewujudan kelantangan pemimpin negara dalam kabinet dan kerajaan awam dibiarkan seperti naiknya DSAI, Ibrahim Ali dan Mohamed Rahmat. Era Paklah menyaksikan penurunan pemimpin tngang berkaliber seperti ini dan dengan hilangnya Wanita Besi UMNO, Dato Sri Rafidah nanti, UMNO bagaikan berada di takuk presidennya yang akhirnya mengakibatkan ahlinya takut bertindak sendiri demi kebaikan UMNO dan Negara. Kelantangan ahli Parlimen Pasir Salak dan Kinabatangan sepatutnya dihargai dan mungkin kemasukan Ibrahim Ali ke UMNO kelantan bakal memberikan sedikit harapan untuk "survival" UMNO. UMNO perlukan kelantangan pemimpin muda seperti Ahli parlimen Jerlun, Dato Mukhriz dan Rembau, Khairy Jamaludin dalam kabinet baru. Lupakan kabinet kini yang selalunya kurang bermaya dan dari pandangan rakyat (terutamanya saya), kurang menonjol berbanding pemimpin pembangkang seperti Singh anak-beranak, DSAI anak-beranak, Lim anak-beranak, Tan Sri Khaled, Dato Nizar, Salahuddin Ayub, Ahli Parlimen bukit bintang dan lain-lain. Saya rindukan kembalinya UMNO dahulu walaupun berkelahi tetapi kelantangan sesama pemimpin menyebabkan mereka yakin hak mereka dijaga dan bukannya seperti sekarang di mana semuanya mengharap Pak Lah. Dahulu kita ada kekuatan vokal Ibrahim Ali dan Annuar Musa di Kelantan, Hishamuddin dan Hamid Albar di Johor, Shahidan dan Tajol Rosli di Utara, Khir Toyo dan Mat Taib di Selangor serta Rafidah, Mohammad Rahmat, Najib, Hamid Albar dan tentunya terajunya, Tun sendiri. Semasa itu UMNO kuat dan gagah bukannya seperti sekarang, terumbang-ambing. Semoga peralihan kuasa Mac ini akan menyaksikan kewujudan pemimpin baru UMNO yang lantang, berkarisma dan berwibawa.- Jizurimin

By my_adi80Author Profile Page on February 27, 2009 6:44 PM

Assalamualaikum...

ayahda Tun... Saya sangat mengkagumi penulisan tun.. saya amat berharap agar malaysia akan dapat pemimpin macam tun semula... rasanya paklah adeke terpikir macam tun ni??.. kalau tak de susahlah kite sebagai rakyat... saya peniaga, buat kontrak dengan kerajaan.. harap-harapnya kerajaan malaysia akan kukuh dan maju hendaknya.. kalau tak masalah saya nak cari makan..

Tun.. rasanya, saya harap anak tun Dato Mukhris, akan cepatlah naik jadi perdana menteri agar dapat membawa malaysia ke puncak seperti Tun dahulu.. amin..

By shahimahAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:45 PM

A'kum Tun,

Berkenaan kebebasan bersuara, Tun spot-on when it comes to bashing Jews. Saya merasakan bahawa Hitler adalah seorang yang "gifted" in a sense that dia boleh hidu kaum Yahudi. Memang susah nak differentiate between Yahudi dan Jerman pada waktu itu but Hitler could. Kalaulah legacy Hitler masih

ada, takde la Yahudi ni naik tocang sangat macam sekarang.

Berkenaan negara kaya jatuh miskin, saya tak heran sangat tapi oleh kerana tempiasnya mengena Malaysia, saya jadi amat risau. Seluruh rakyat Malaysia risau kecuali ahli politik kita yang sibuk berpolitiking, kutuk sana kutuk sini, mana yang tak habis2 dengan sleaze scandal lagi, fed up la Tun.

Sekarang ekonomi Malaysia terpulang kepada kebijaksanaan Najib. Moga2 dia bijak. Kalau la Tun masih jadi PM la ni, apa agaknya rancangan Tun untuk "meng-cushion" kan keadaan gawat negara ini?
By An-Tak-TauAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:49 PM

Apakah cadangan Tun untuk mengatasi masalah ini (ekonomi)?

Sebagai seorang mahasiswa yang bakal graduasi pada tahun hadapan, keadaan ini amatlah merunsingkan... terutamanya pada ayat Tun yang berbunyi:

Sumbangan mereka kepada Keluaran Dalam Negara dan per kapita akan turun dan kekal di paras yang rendah buat bertahun-tahun. Harapan mereka bahawa melalui bailout mereka akan pulih seperti sebelum kegawatan tidak akan jadi kenyataan

Harap pandangan Tun akan mendapat perhatian semua terutamanya pimpinan Kerajaan sekarang.
By priss01Author Profile Page on February 27, 2009 6:56 PM

"dihadapkan ke mahkamah" that is the key word isn't it.
Biar apa pun kesalahan yang dilakukan setiap orang mesti dibawa ke mahkamah untuk dibicara. Bukan dipenjarakan tanpa bicara.

In EU you can speak out but you might face legal action in court.
They just don't throw people into jail without trial.
At least they can be proud of that compare with Malaysia.
By yemmAuthor Profile Page on February 27, 2009 6:58 PM

Salam TDM and all;

Insyallah usaha TDM dahulu memulakan semula DINAR ISLAM seperti zaman kegemilangan Islam dahulu akan menjadi kenyataan.
By asuhasutaAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:22 PM

A'kum Y.A.Bhg Tun,

Tun pohon izin saya keluar tajuk sikit..saya nak tanya Tun..boleh tak kalau Parlimen kita buat undang-undang untuk lucutkan kerakyatan seseorang..bila dia derhaka kepada Raja Melayu. Jadi rakyat Malaysia pun buat menyemak dan berdesingh telinga aje.

Selain itu saya nak tanya juga pendapat Tun sama ada wajar atau tidak dakwaan di bawah Sek. 121B Kanun Keseksaan dibuat ke atas sesiapa yang melawan perlaksanaan kuasa mengikut undang-undang oleh DYMM Sultan Perak. Kalau wajar kenapa tidak didakwa.

Pada saya undang-undang pencegahan sangat sesuai. Tapi kalau tak nak guna yang itu, gunakanlah undang-undang biasa ini. Perasaan saya sangat terbakar dan terhiris sebenarnya. Orang yang derhaka kepada Raja kita dibiarkan bermaharajalela seolah sangat tinggi mertabat dan darjatnya..ingat!!! 'jangan main-main dengan saya'...'anwar harus bertaubat'.

Terima kasih Tun.

By Wan, Pandan mewahAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:31 PM

Golongan professional Malaysia akan tetap di alu-alukan di Malaysia. Kami sanggup hamparkan carpet merah... dengan harapan bawalah peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, buka perniagaan sendiri. Bukan berkhidmat untuk diri sendiri saja, khidmatlah untuk negara. Tak perlu la kita buka balik buku 555 dari MARA atau JPA. Faham2 sendiri lah. Jgn mudah lupa.

Wan

Pandan Mewah/ Ampang

By YangBetulAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:35 PM

Salam Tun,

Terima kasih atas "bunyi gigit" yang bermanfaat pada pendapat saya. Komen saya ini adalah sebahagian daripada sokongan saya terhadap Tun.

Bill Gates meramalkan 4 tahun untuk ekonomi dunia pulih sedia kala. Apa pula pandangan Tun?

Saya terlepas peluang berjumpa ketika Tun berada di London tempoh hari. Sekurang2 nya, dapat bersalaman dengan orang yang banyak membangunkan negara Malaysia.

Manage is much easier than Lead. Respect you Tun.

By ANAKANDA KEDAHAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:44 PM

SALAM Ybhg TUN DAN ISTERI..SESUNGGUHNYA SAYA BERASA AMAT BERTUAH KERANA LAHIR DIERA TUN MALAH DINEGERI KELAHIRAN TUN SNDIRI.SEMEMANGNYA JASA DAN BAKTI TUN TIADA TANDINGAN DAN TELAH DIAKUI SEANTERO DUNIA. TUN SATU2NYA ANAK BANGSA MELAYU YG TELAH MENGEKARKAN DUNIA SEKETIKA DULU DAN KINI MASIH BERBISA.SAYA JUGA TURUT MERASA SEDIH DENGAN NASIB UMNO KETIKA INI.. SEBAGAI ANAK VETERAN UMNO,SAYA CUKUP PILU MELIHATKAN DATUK SAYA MENGALIRKAN AIRMATA SETIAPKALI MENDENGAR PERKEMBANGAN UMNO.KINI DIA TIDAK LAGI MGHABISKAN MASA DIHADAPAN TV KERANA BAGINYA TUNJANG KEKUATAN MELAYU INI HANYA MENJADI KUDA TUNGGANGAN MEREKA2 YG BERKEPENTINGAN.SAYA MASIH TERKENANG ZAMAN KECIL BILAMANA PILIHARAYA UMPAMA HARI RAYA.CUKUP MERIAH.RUANG TAMU RUMAH SAYA PENUH DENGAN BERKOTAK-KOTAK POSTER.SEMUA SALING BERKERJASAMA MEMASTIKAN PERSIAPAN BERJALAN LANCAR DAN RAPI.MASIH MEKAR LAGI DIINGATAN TATKALA PULANG DARI SEKOLAH, TETIBA TERPANDANG TUN DAIM BERSILA DAN TERSENYUM DIMUKA PINTU MENEGUK SECAWAN KOPI O BUATAN SENDIRI. KINI, TIADA LAGI SENARIO ITU. TIADA LAGI SEMANGAT UMNO SEJATI YG SENTIASA MENYELUBUNGI SEGENAP KAMPUNG.YANG ADA CUMA UMNO YANG BERPECAH DAN SALING BERLUMBA-LUMBA MENGUTIP KEMEWAHAN YANG DITABUR PEMIMPIN ATASAN.MASING-MASING MEGAH BERBICARA KOSONG DICAFFE-CAFE DAN DI LOBI HOTEL. SAYA TAK MUNGKIN LUPAKAN TITISAN AIRMATA PEJUANG UMNO SEPERTI DATUK SAYA.. AMAT MALANG HARI-HARI TERAKHIR USIANYA DIHABISKAN UNTUK MERATAPI KETEWASAN BANGSA MELAYU DITANGAN BANGSANYA SENDIRI.. MUNGKIN ANAKCUCU SAYA NANTI TIDAK MENGENALI PARTI UMNO APATAHLAGI SUMBANGANNYA TERHADAP BANGSA MELAYU KERANA TELAH DIKAPAN OLEH KESILAPAN DAN KEALPAAN PEMIMPIN SEKARANG.. TUN,SAYA INGIN SAMPAIKAN SALAM DARI DATUK SAYA BUAT TUN SEKELUARGA..

By kamarulzamanAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:48 PM

Salam Sejahtera Ybhg Tun,

Besar harapan sekiranya selepas pertukaran pemimpin nanti, kerajaan akan menimbangkan saranan Ybhg Tun supaya meluluskan stimulus package yang sebanyak 35 billion bagi merangsang ekonomi negara. EPF memang mempunyai simpanan yang banyak dan memang pada masa ini tiada tempat untuk membuat pelaburan yang menguntungkan. Melabur di U.K pun dah tiada menguntungkan lagi.

Infrastruktur negara Malaysia masih banyak lagi yang perlu di bina. Banyak infrastruktur2 yang

dicadangkan telah terhenti ataupun tertangguh tanpa sebab.

Sekiranya projek2 infrastruktur ini dilaksanakan, banyak menaifatnya kepada raayat. Antaranya adalah;

- Cadangan Lebuhraya Pantai Barat Pontian - Kuala Perlis.

Pada masa ini lebuhraya dari Pontian hingga ke Muar sentiasa padat dengan kenderaan. Begitu juga lebuhraya dari Banting ke Teluk Intan dan seterusnya ke Taiping.

- Cadangan Kuala Lumpur Outer Ring Road

Middle Ring Road 2 sudah sesak melebihi volume kenderaan yang dijangkakan.

- Cadangan Lebuhraya Pantai Timur masih lagi belum siap2.

- Walaupun track berkembar dari KI-Ipoh telah beroperasi, tetapi train lajunya masih lagi tiada.

Perlaksanaan projek2 besar akan merangsang pertumbuhan kilang2 bagi membekal bahan bekalan projek selain daripada membuka peluang pekerjaan dan lain2 lagi. Malahan restoran kedai makan pun mendapat nikmatnya.

Perumahan akan wujud di bandar2 kecil jika adanya lebuhraya berhampiran. Land value pun akan meningkat.

35 billion boleh mengembalikankan semula kegemilangan Malaysia.

Wassallam Ybhg Tun.

By njAuthor Profile Page on February 27, 2009 7:52 PM

Tun Yang dihormati,

(Komen ditulis dalam bahasa Malaysia untuk orang Bangsa Malaysia. Komen ini juga ditulis dalam Bahasa Inggeris untuk kemudahan ORANG ASING yang tidak fasih bahasa Malaysia)

Mungkin "sound bites" boleh diterjemah sebagai "suara menggigit"?

Maaflah, kerana komen saya ini tidak seiring dengan tulisan Tun (lari topik).

Saya masih mengenangkan nasib Bahasa Kebangsaan negara Malaysia, iaitu Bahasa Malaysia. Orang Malaysia yang mengaku Bangsa Malaysia, tapi bercakap Bahasa Malaysia pun tidak fasih. Macam-macam cerita. Nak pandai Bahasa Inggeris (bahasa KEDUA) kena belajar Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris. Dulu, saya pandai bahasa Inggeris dengan belajar bahasa Inggeris. Dari pra-sekolah sehingga Tingkatan 5, saya belajar Sains & Matematik dalam Bahasa Malaysia. Bila masuk Universiti (Di Amerika), semuanya dipelajari dalam Bahasa Inggeris. Tidak ada masalah pun? Ataupun orang Bandar kita kena hantar ke kampung untuk belajar bertutur & menulis dlm Bahasa Kebangsaan dan orang kampung perlu ditarik ke bandar untuk memahirkan diri dalam Bahasa Inggeris? IKEA (orang asing Sweden) hantar katalog ke rumah saya yang dicetak dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Nampak juga orang Swedish ni hormat Bahasa Kebangsaan tempat di mana mereka berniaga. Tapi ada orang yang mengaku Bangsa Malaysia mencetak iklan-iklan mereka dalam bahasa Inggeris saja. Lagi teruk dalam bahasa Inggeris dan Bahasa tulisan cacing saja. Kemana perginya Bahasa Kebangsaan?

Malaslah Tun nak membebel pasal nasib Bahasa Kebangsaan ni. ATAU, mungkinkah perlu kita ubah Perlembagaan kita, kita buang Bahasa Malaysia, jadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Kebangsaan? Ataupun nak bahasa tulisan cacing dijadikan Bahasa Kebangsaan? Amacam?

Ampun dan maaf.

(For NON-MALAYSIAN, whom I dont expect to be able to read in Malaysian language)

Perhaps "sound bites" can be translated as "suara menggigit"?

My apology dear Tun for my comment is actually out of topic.

What a pity when I think about the fate of the National Language, Bahasa Malaysia. Those who claim to be Malaysian can't even speak the National language properly. So many stories. To learn English (the second language), you have to learn Science & Math in English. I am sufficiently fluent in English, because I learned English by learning English, not by learning Science & Math in English. From pre-school till Form 5, I learned Science & Math in National Language. When I went to university (in America), all subjects were in English. There was no problem in learning when the language was instantly switched. Or perhaps we should send our city folks to villages to learn to speak and write the National language (be MALAYSIAN!!) and pull all those villagers to cities to be more fluent in English? IKEA (Swedish company) sent a catalogue to my house printed in English and Bahasa Malaysia. Looks like this Swedish people (the foreigner) have more respect towards the National Language, where their business is. Compare to those who claimed to be Malaysian, but print their advertisement/catalogue in English only (second language, where is the FIRST LANGUAGE?). Even worst, these so-called Malaysian only use English and squiggly-like language. What the hell happened to the National language?

I am very tired Tun to continue babbling on the issue of nearly dead National Language. OR PERHAPS, we should change our constitution? Throw away Bahasa Malaysia. We now use English as our National language? or even the squiggly-like language as the National language? What say you?

Million of apologies.

By Tauke Kedai Author Profile Page on February 27, 2009 7:55 PM

SOUND BITES

1) Apa yang terjadi di UK adalah pengajaran kepada mereka. Terlalu berbangga dengan pencapaian yang terhasil dari penipuan. Sekarang bolehlah kita pergi ke sana dan berkata: "Your past fathers came to our place long time ago to 'civilise' us. We now come to your place to tell you how to be more self efficient, like us."

KEBEBASAN BERSUARA

1) Kebebasan bersuara, demokrasi dan sebagainya hanyalah produk dan propaganda sahaja untuk menipu.

PENGANGGURAN DI BRITAIN

1) Bailout (tiru cara Malaysia) tidak akan terhasil kerana, duit keluar banyak tetapi duit masuk sedikit. Selera mereka besar sangat tapi periuk kecil.

2) Sekarang di Dubai penuh dengan orang-orang Eropah, dah takda tempat lain nak pergi agaknya.

3) Sekarang, oleh kerana ekonomi kita bergantung sedikit sebanyak kepada permintaan mereka (yang semakin menurun), telah terasa impaknya. Inilah masa yang sesuai supaya kita menjadi lebih self-efficient. Hendaklah kita mempromosikan agriculture, bantu orang miskin. Kerajaan hendaklah take-over ataupun de-corporatise syarikat gergasi yang bermasalah.

By ohmlawx Author Profile Page on February 27, 2009 8:12 PM

salam,

1st!!

nice post tun..

hope malaysia will recover soon, and no longer depend on other countries..

By ibnu hamzahAuthor Profile Page on February 27, 2009 8:18 PM

orang yang menipu tidak akan kekal lama!

By snidzarAuthor Profile Page on February 27, 2009 8:23 PM

Tun,

Malaysia tentu akan menerima kesan di atas ekonomi negara-negara maju yang kian menjadi miskin. Tetapi saya berpendapat, ini la masanya Malaysia memperkenalkan dan memperluas produk-produk dari negara kita dari semua industri. Dengan cara ini negara kita akan dapat menjana ekonomi dan kemungkinan dapat menguasai ekonomi dunia tanpa perlu bersandarkan ekonomi negara lain. Sebaliknya, negara itu bersandar dengan ekonomi negara kita. Tetapi ianya perlu dilakukan dengan komitmen yang tinggi dari semua pihak. Sekiranya langkah ini berkesan, Malaysia tidak mungkin akan menerima kesan daripada kejatuhan ekonomi dari negara-negara maju.

Harap kerajaan bijak menangani masalah ekonomi...

Sekian.

By MatSemenyihAuthor Profile Page on February 27, 2009 8:37 PM

Assalamualaikum Tun,

Tentang perdagangan matawang tu, bolehkah Tun explain dgn lower level sikit, layman terms. Saya ber-background IT, dan tgh belajar pasal finance, so kurang dimengertikan pasal dagangan tu. Maksud Tun adalah berniaga tukaran matawang bukan? Jadi, mcm mana nak dapat untung daripada perdagangan tu dan mcm mana senarionya kepada sesebuah negara? Apa nama, mcm mana negara tu bule terjejas? Terima kasih Tun.

By fawzAuthor Profile Page on February 27, 2009 8:39 PM

Salam Tun,

Semoga Tun dan isteri sentiasa berada didalam keadaan sihat wal'afiat.

Kesimpulan tentang kebebasan bersuara dan tabiat/kebiasaan dunia barat hanya memerlukan satu saja perkataan ia-itu hipokrit!

Kemelut ekonomi pada pandangan saya ialah jelas perbuatan Bank2 & Institusi2 kewangan gergasi U.S.A, U.K. dan negara2 maju Eropah Barat yang melibatkan (seperti Tun kata) penipuan. Saya mushkil tentang satu hal, si-penipu2 ini telah mendapatkan kekayaan yang luar biasa, tetapi setelah itu ekonomi musnah, jadi apa guna nya wang yang mereka dapat jikalau nilai wang itu sendiri merosot, kalau pun wang tersebut sempat dijadikan asset2 lain, lambat laun nilai assset2 ini pun akan turut merosot. Jadi apa guna nya?

Aggak nya sistem kapitalist ini sudah musnah kot? Keadaan ini gawat, kalau USA & Barat jadi miskin saya bimbang mereka akan mengganas seperti nenek moyang mereka dulu-kala dan akan cuba untuk menjajah dunia sekali lagi. Sebab dari mana akan mereka dapatkan semula kekayaan yuang sudah hilang/hangus? kalau tidak dengan merompak?

Saya tidak fikir USA akan meninggalkan Irak begitu saja, mereka akan terus kekal di Saudi, Irak, Turki pokok-nya timur tengah; kata2 pemimpin2 mereka tidak boleh di-pakai, lain mereka kata, lain mereka buat. Israel akan menjadi dalang dari belakang (tidak heran lagi-lah, kerana ini lah sifat munafik).

Saya tidak bertujuan untuk menakut nakut-kan orang, tapi pada pendapat saya pergolak-kan sekarang ialah tanda-tanda dunia akan kiamat. Di-mana mana kita lihat kemunculan pemimpin-pemimpin munafik

dan penindasan yang semangkin kejam.

Apa boleh kita buat? Saya bingung, tidak ada jawapan.... mungkin sudah tidak ada jalan lain kecuali kembali ke jalah Allah, ia-itu "as sirah tul mustaqeem" Wallah-u-alam minas-sawwab.

Sekian, Terima-kasih.

By azmimuAuthor Profile Page on February 27, 2009 8:46 PM

Salam buat Tun dan keluarga.

Kelihatannya di Malaysia ini juga kebebasan bersuara telah agak mengelirukan. Media sekarang ini seolah-oleh bertindak sebagai kerajaan yang mana banyak isu2 rakyat dimainkan atau diusahakan oleh media yg mana pihak kerajaan hanya akan bertindak keatas isu rakyat ini bersandarkan berita dari media. Seingat saya, sewaktu zaman Tun memimpin dulu, ini tidak ataupun sgt sedikit berlaku. Pak Lah saya lihat amat lemah didalam menangani isu kebebasan bersuara ini sehingga byk yang memakan diri kerajaan. Byk kelemahan2 kerajaan apabila sidang dewan parlimen juga boleh dilihat menerusi televisyen. Begitu juga dengan permasalahan berkaitan isu rakyat yg mana seharusnya, kerajaanlah tempat mereka ini mengadu dan bukannya media.

